


Mengukur Jarak Sebenarnya Menggunakan Skala

1. Mengukur jarak lurus menggunakan skala penyata

Mengukur jarak sebenar di antara rumah Nurul dengan sekolah



Tandakan titik X di rumah Nurul dan di sekolah.

Lukiskan satu garisan lurus yang menyambungkan kedua-dua tanda X tersebut.

Letakkan pembaris pada garisan yang dilukis. Ukur jaraknya.

Pengiraan jarak sebenar:


- Jarak di atas peta ialah 5 cm.
- Skala peta: 1 cm mewakili 1 km.
- Jarak sebenar di antara rumah Nurul dengan sekolah ialah $5 \text{ cm} \times 1 \text{ km} = 5 \text{ km}$.

2. Mengukur jarak sebenar menggunakan skala lurus

Mengukur jarak sebenar di antara rumah Muthu dengan stesen bas menggunakan jangka tolok


Langkah 1

Tandakan x pada kedudukan rumah Muthu dan stesen bas.




Langkah 2

Letakkan kedua-dua hujung jangka tolok pada tanda x di rumah Muthu dan stesen bas.



Langkah 3

Pindahkan jangka tolok ke atas skala.



Pengiraan jarak sebenar:


- Jarak di atas peta ialah 4 cm
- Skala peta: 1 cm mewakili 2 km
- Jarak sebenar di antara rumah Muthu dengan stesen bas ialah
 $= 4 \times 2 \text{ km}$
 $= 8 \text{ km}$

3. Mengukur jarak melengkung menggunakan pecahan wakilan

Mengukur jarak sebenar Sungai Bakti di antara titik A dengan titik B mengikut lengkungan sungai


Langkah 1

Tandakan $\times$ di titik A dan titik B pada Sungai Bakti.




Langkah 2

- Letakkan benang di titik A. Tandakan titik A pada benang.
- Letakkan benang mengikut lengkungan sungai dari titik A ke titik B.
- Tandakan titik B pada benang.



Langkah 3

Rentangkan benang di atas pembaris. Ukur jaraknya.



Pengiraan jarak sebenar:

- Jarak di antara titik A dengan titik B ialah 5 cm
- Skala peta: 1 : 100 000, iaitu 1 cm mewakili 1 km
- Jarak sebenar Sungai Bakti (dari titik A ke titik B) ialah
 $= 5 \times 1 \text{ km}$
 $= 5 \text{ km}$